

# 96 peratus isi rumah di Malaysia guna internet

**Capaian** isi rumah di Malaysia kepada internet meningkat kepada 96 peratus pada 2022 berbanding 94.9 peratus pada 2021.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam satu kenyataan berkata, capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit, radio dan televisyen kekal melebihi 95 peratus.

"Bagaimanapun, capaian ke atas siaran televisyen berbayar mencatatkan peratusan lebih rendah iaitu 76.9 peratus berbanding 83.2 peratus pada 2021," katanya menerusi Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2022 yang diterbitkan semalam.

DOSM berkata, penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas juga meningkat kepada 97.4 peratus pada 2022 berbanding 96.8 peratus pada 2021.

Menurut kenyataan itu, penyertaan dalam rangkaian sosial kekal menjadi aktiviti internet yang paling popular di Malaysia.

"Penggunaan internet meningkat dengan ketara bagi perkhidmatan berkaitan aktiviti mendapatkan maklumat, komunikasi, sivik dan politik, e-kerajaan, hiburan, e-dagang dan lain-lain perkhidmatan dalam talian," katanya.

Agenzi itu berkata, aktiviti yang berkaitan perkhidmatan internet meningkat melebihi 3.0 mata peratus.

Katanya, aktiviti ini termasuk mendapatkan maklumat barang atau perkhidmatan yang meningkat kepada 92.5 peratus; memuat naik kandungan yang dicipta sendiri ke laman web (17.6 peratus); menguruskan laman web persendirian (10.3%); melaksanakan tugas yang menjana pendapatan secara atas talian (15.5 peratus); perbankan Internet (74.8 peratus); mendengar radio secara dalam talian (72.8 peratus); menonton televisyen secara dalam talian (68.1 peratus) dan pembelian barang atau perkhidmatan melalui e-dagang (70.4 peratus).

DOSM berkata, Berdasarkan kajian ini, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang menjadi satu daripada indikator yang dipantau dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) turut menunjukkan peningkatan.

"Aktiviti asas kemahiran ICT seperti menyalin atau memindahkan fail; menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk mendua atau memindahkan dalam satu dokumen dan menghantar e-mel berserta fail meningkat masing-masing kepada 97 peratus, 96.3 peratus dan 89.4 peratus," katanya.